



Penduduk bimbang air laut yang melimpah akan **menyebabkan banjir dan hakisan** teruk di kawasan rumah dan sekitar Bagan Nakhoda Omar.

[FOTO MOHD SHUKOR MOHD AMIN/ BH]



“
Sekarang banyak
hidupan air tawar
juga sudah mati,
termasuk ikan haruan,
sepat dan lampam
yang menjadi antara
sumber utama
rezeki penduduk
di sini”

Jamil Mat Saad,
Penduduk

Benteng penahan air pecah

» Nyawa
penduduk
terancam,
hilang punca
pendapatan

Oleh Mohd Shukor Amin
bhnews@bharian.com.my

► Sabak Bernam

Penduduk di Kampung Nelayan Bagan Nakhoda Omar di sini, bimbang terhadap keselamatan harta benda dan tanaman mereka, apabila benteng penahan air di situ

pecah sejak beberapa hari lalu.

Penduduk, Jamil Mat Saad, berkata benteng air laut ke kawasan projek pembinaan kunci air baru oleh sebuah syarikat yang dilantik kerajaan Selangor itu, tidak dapat bertahan apabila ombak besar melanda kerana strukturnya tidak kukuh.

Tanaman musnah

Katanya jika tiada langkah segera diambil, kerosakan itu akan menjadi lebih teruk dan air laut akan melimpah, memusnahkan kawasan tanaman seperti ladang pisang, limau dan sawit.

“Sekarang banyak hidupan air tawar juga sudah mati, termasuk ikan haruan, sepat dan lampam yang menjadi antara

sumber utama rezeki penduduk di sini,” katanya.

Kunci air retak

Jamil, 58, berkata rumahnya yang berhampiran kunci air itu turut retak sejak pemasangan cerucuk tapak pembinaan kunci air itu setahun lalu.

“Kini masalah lain pula berlaku apabila berdepan hakisan tanah yang teruk. Keadaan lebih buruk mungkin berlaku jika tiada sebarang langkah diambil,” katanya.

Perniagaan ais milik Jamil juga kehilangan pelanggan selepas jalan kampung itu menjadi tempat mereka meleakkan bahan binaan, selain menjadi berlumpur apabila kenderaan binaan lalu di situ.

Penduduk Kampung Batu 8 Jalan Sungai Air Tawar, Nora-zak Mohd Tohar, 40, berkata benteng yang pecah jika tidak dibaiki dengan sempurna dikhawatiri akan menyebabkan banjir air masin di kawasan sekitar, lebih-lebih lagi apabila ombak besar dijangka melanda September ini.

Kerugian besar

Tahun lalu, katanya, penduduk kawasan itu mengalami kerugian besar apabila banyak tanaman musnah selepas dilanda banjir air masin.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Air Tawar, Datuk Raja Ideris Raja Ahmad, berkata Jabatan Pengairan Selangor (JPS) seharusnya mengambil tindakan segera.

“Kita juga tidak faham mengapa kerajaan negeri memilih kontraktor luar yang tidak berpengalaman bagi menjalankan projek pembinaan kunci air baru itu sedangkan ramai kontraktor tempatan yang terbukti kebolehannya,” katanya.